

**Ulasan: Filem *La Luna* berani ketengahkan seksualiti perempuan  
Oleh: Nur Hikmah**

Dalam filem *La Luna*, sebuah kampung rekaan Bras Basah menjadi riuh apabila seorang peniaga perempuan, Hanie Abdullah, membuka sebuah kedai baharu di kampung mereka. Manakan tidak, keputusan Hanie berniaga menjual baju dalam wanita bercanggah dengan nilai masyarakat Bras Basah yang konservatif dan autoritarian.

Segala gerak-geri penduduk kampung dikawal dan diawasi agar tidak melanggar undang-undang kampung, hatta apa yang berlaku dalam ruang peribadi pun tidak terkecuali. Ini termasuk tidak menunaikan solat Jumaat, mendengar lagu dangdut atau lagu rok, dan membuka muzik terlalu kuat dalam kereta. Semua peraturan ditetapkan oleh penghulu kampung dan pemimpin agama Tok Hassan, watak antagonis utama dalam filem ini.

Jadi, tidak hairanlah jika sebuah kedai menjual pakaian dalam wanita mampu menggegarkan sensitivitas masyarakat kampung yang sangat mengongkong, meskipun pakaian dalam merupakan satu keperluan kaum wanita.

Dalam lebih kurang satu setengah jam, *La Luna* berjaya mengupas isu-isu penting dengan teknik jenaka bijak dan sindiran halus. Skrip filem yang sangat baik membuat pembawaan dialog *La Luna* tidak canggung atau umpama berkhotbah.

### **Kupas isu seksualiti dan kehormatan perempuan**

Satu kekuatan filem *La Luna* adalah bagaimana ia menengahkan seksualiti perempuan tanpa cara yang meremehkan atau menggiurkan. Keperluan dan seksualitas perempuan yang biasanya dianggap tabu dan tidak sesuai dibawa ke ruang perbincangan awam, seperti pakaian dalam, keperluan haid dan nafsu berahi perempuan. Tetapi dalam filem *La Luna*, semua ini dipaparkan sebagai keperluan atau fitrah manusiawi yang semula jadi.

Ini memberikan penonton peluang untuk melihat dunia melalui kaca mata perempuan. Di samping itu, cara bagaimana seksualiti perempuan dibawa ke layar juga menunjukkan naluri seorang perempuan yang juga mempunyai keinginan dan keperluan seksual, sama seperti lelaki.

### **Mengapa ia penting untuk membicarakan seksualiti perempuan dalam ruang publik?**

Filem *La Luna* menjawab soalan ini dengan baik. Apabila isu seksualiti perempuan dikupas, pelbagai persoalan penting mula muncul. Apakah hal-hal yang penting bagi perempuan dan apakah hal-hal terkait dengan kepentingan itu yang membataskan pergerakan perempuan dalam

**Ulasan: Filem *La Luna* berani ketengahkan seksualiti perempuan  
Oleh: Nur Hikmah**

masyarakat? Dalam masyarakat yang sering melebihkan lelaki daripada perempuan, hatta di ranjang pun, bagaimanakah golongan perempuan dapat membincangkan tentang kepuasan seks mereka dan hal-hal berkaitan seks yang membebankan fikiran mereka? Contohnya, dalam masyarakat patriarki, bagaimana perempuan boleh memperkasakan diri mereka dengan seutuhnya untuk berkata tidak kepada seks sekiranya mereka tidak ingin bersatu bersama suami mereka? Dan yang paling penting, di manakah ruang selamat bagi perempuan untuk membicarakan hal-hal ini, seperti yang wujud dalam kedai La Luna?

Semua persoalan ini berteraskan satu perkara utama, iaitu keperluan perempuan sebagai manusia.

Filem *La Luna* juga mempersoalkan konsep kehormatan perempuan. Kehormatan atau kesucian perempuan adalah konstruksi sosial yang dihasilkan oleh sistem patriarki. Ia meletakkan harga diri perempuan atas satu perkara abstrak, iaitu kesuciannya.<sup>1</sup> Apakah yang menentukan kesucian perempuan? Apakah kayu ukur universal untuk mengenal pasti kesucian seorang perempuan itu? Ketidakjelasan pada definisi “kesucian perempuan”, yang digambarkan dengan baik dalam filem *La Luna*, menjadikan konsep ini senjata paling ampuh untuk mengawal segala gerak-geri perempuan dan menjadi dasar kelelakian (masculinity). Seorang lelaki itu dikira “benar-benar lelaki” sekiranya dia dapat mengawal perempuan. Melalui pemikiran sebegini, lelaki mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan batas moral dan kemudian memaksakannya ke atas perempuan.

Melalui konsep kesucian ini, perempuan dijadikan medan pertarungan politik dan gagasan. Kumpulan mana yang paling menjaga kesucian perempuan, dengan memaksakan segala bentuk peraturan atas perempuan tanpa perbincangan atau kerelaan, dialah yang paling memperjuangkan moraliti masyarakat. Begitu sekali tanggungjawab yang dipaksakan atas perempuan untuk mewakili kehormatan dan kesucian seluruh masyarakat. Sedangkan sudah tentu sekali nilai seorang perempuan itu sudah jelas nilai intrinsik. Sebagai manusia, perempuan dan lelaki sama-sama mempunyai nilai intrinsik, tanpa perlu membuktikannya atau bergantung pada faktor luaran.

Kehormatan perempuan yang tersangatlah abstrak ini dianggap sangat penting, sehingga kaum lelaki boleh memperlakukan apa sahaja untuk melindungi kehormatan itu daripada kerosakan. Malah, mencederakan perempuan juga dibolehkan semata-mata untuk menjaga “kehormatannya”,

---

<sup>1</sup> Ong, A. (1990). State versus Islam: Malay Families, Women's Bodies, and the Body Politic in Malaysia. *American Ethnologist*, 17(2), 258–276.

**Ulasan: Filem *La Luna* berani ketengahkan seksualiti perempuan  
Oleh: Nur Hikmah**

seperti memukul seorang isteri untuk tujuan disiplin, sebagaimana yang dipaparkan melalui watak Yam yang dipukul suaminya, Pa'at. Ini dilihat melalui dua ucapan yang kerap kali diulang oleh watak-watak antagonis *La Luna* seperti Tok Hassan: "Ini bukan cara seorang Muslimah mengendalikan diri" dan "Dalam Islam, seorang suami harus mengajar dan menjaga tata tertib isterinya."

Konsep kehormatan atau kesucian ini bukan sahaja merendahkan perempuan, malah menyekat kebebasan mereka untuk bergiat aktif dalam ruang sosial, politik dan ekonomi. Bahkan, keperluan seksual perempuan yang alami juga disekat dan dianggap tabu, walaupun mereka sudah berkahwin. Jika tidak disekat pun, ianya tidak dibincangkan di ruang publik. Natiujahnya, isu-isu penting berkaitan seksualiti perempuan seperti sunat perempuan, masalah vaginismus, dan pelbagai lagi tidak mendapat tempat dalam ruang wacana awam. Jika tidak ada perbincangan sihat tentang seksualiti perempuan, tidak mungkin perempuan boleh mendapatkan informasi penting daripada sumber-sumber yang dipercayai tentang tubuh mereka sendiri.

### **Imej kelelakian yang sihat**

Imej kelelakian yang sihat dipaparkan melalui watak utama lelaki, seorang ketua polis kampung dan bapa tunggal bernama Salihin, dan hubungannya dengan anak perempuan remajanya, Azura.

Mereka sangat jujur dan terbuka dalam berkomunikasi dan saling menghormati antara satu sama lain. Ada kalanya Salihin meragui dirinya sebagai seorang ayah, namun ia tidak menghalangnya daripada menjalin hubungan yang sihat dan kukuh dengan Azura.

Hubungan baik antara ayah dan anak perempuan ini membuahkan hasil, iaitu menyemai sifat yakin diri dan berani dalam diri Azura. Pada usia yang muda, Azura bersikap mandiri dan mampu berfikir untuk dirinya sendiri, malah mencabar kepimpinan Tok Hassan, yang dia anggap sebagai fasis dan autoritarian. Keberanian Azura tidak wujud dengan sendiri, tetapi ayahnya yang telah mewujudkan ruang selamat bagi Azura dari kecil untuk berani bersuara dan meluahkan perasaan jujurinya.

Mungkin juga ada faktor-faktor lain yang memainkan peranan dalam membentuk Azura sebagai seorang perempuan muda yang tercerah dan peduli tentang keadilan dan pembebasan. Tetapi yang jelas, keterbukaan dan kebaikan Salihin terhadap anak perempuannya memberikan Azura keberanian dan pencerahan tentang apa yang betul atau salah.

**Ulasan: Filem *La Luna* berani ketengahkan seksualiti perempuan**  
**Oleh: Nur Hikmah**

Hal ini mengingatkan saya kepada kata-kata pejuang feminis Bell Hooks bahawa pembebasan perempuan tidak boleh berlaku tanpa sokongan kaum Adam.<sup>2</sup> Menurut Hooks, untuk mencapai kesetaraan gender, kaum lelaki harus mempunyai azam yang kuat untuk berubah serta mengubah budaya masyarakat yang merendahkan perempuan.

Jelas bahawa kaum Adam memainkan peranan sangat besar dalam mencapai kesetaraan gender dan pembebasan perempuan daripada cengkaman patriarki. Lebih-lebih lagi dalam sebuah masyarakat patriarki di mana tempat kepimpinan biasanya didominasi oleh kaum lelaki. Dalam situasi sebegini, suara lelaki seringkali lebih diberi perhatian dan autoritatif berbanding suara perempuan.

*La Luna* menunjukkan betapa pentingnya bagi kaum lelaki untuk berani mencabar norma patriarki yang tidak masuk akal serta menyekat kemandirian perempuan, sehingga membantut pembangunan masyarakat. Kaum lelaki perlu saling menegur apabila melihat perempuan diperlakukan dengan cara yang tidak adil atau disisihkan atas sebab gender.

### **Agama dan tradisi yang bergerak**

Filem *La Luna* adalah sebuah filem terbitan tempatan yang berani mencabar norma sosial yang kurang baik, sekali gus mengusulkan alternatif tanpa mengorbankan nilai-nilai baik sesebuah masyarakat.

Contohnya, pada pengakhiran filem, penduduk kampung Bras Basah masih kuat beragama. Cuma, keberagamaan mereka telah berubah daripada keberagamaan yang keras dan menghakimi kepada keberagamaan berpaksikan rahmah dan keterbukaan. Poster bercogan “Allah Sentiasa Melihat” yang ditampal satu kampung telah diubah menjadi “Allah Sentiasa Menyayangi”.

Ia adalah satu panggilan jelas dan bersemangat untuk tidak takut kepada perubahan, malah memikir ulang dan mengubah tradisi, pemikiran dan kebiasaan sosial agar menjadi tradisi yang bergerak dan terbuka kepada perubahan sesuai zaman.

---

<sup>2</sup> Hooks, b. (2004). *The will to change: men, masculinity, and love*. New York, Atria Books.